

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HIA 101 - Pengantar Pengajian Islam

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [ 6 ] SOALAN DI DALAM DUA [ 2 ] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. **DUA** [2] daripada Bahagian A dan **DUA** [2] daripada Bahagian B.

**SEMUA** soalan membawa markah yang sama

**BAHAGIAN A**

1. Dalam abad kelapan belas, terdapat beberapa pemikir Perancis mendakwa bahawa fenomena agama adalah direka oleh golongan tertentu untuk kepentingan mereka sendiri. Bincangkan pandangan ini secara ilmiah dan kritis dari aspek-aspek berikut:-
  - [i] Suasana abad pertengahan di Eropah yang menimbulkan pandangan ini.
  - [ii] Kecenderungan beragama sebagai keperluan tabi'i manusia.
2. Islam sebagai satu agama yang diwahyukan oleh Allah adalah sesuai dengan fitrah kejadian manusia yang juga diciptakan oleh Allah. Buktikan kesesuaian Islam dengan fitrah manusia keseluruhannya.
3. Salah satu dari keistimewaan Aqidah Islam ialah sifatnya sebagai Aqidah pertengahan. Bincangkan maksud pernyataan ini.

..12

**BAHAGIAN B**

4. Sumber al-Din umat Islam ialah al-Qur'an dan al-Sunnah; kedua-dua sumber utama ini menggariskan konsep yang bersifat komprehensif. Berdasarkan pernyataan ini jawab dua dari perkara-perkara berikut:-
- [a] Sejauh manakah kefahaman anda tentang kepentingan Syari'ah di dalam kehidupan harian.
  - [b] Huraikan hubungan antara Aqidah Tawhid dan Syari'ah.
  - [c] Kenapa ijma' menjadi sumber yang terpenting selepas al-Qur'an dan al-Sunnah serta huraikan fungsinya dalam merumuskan sesuatu hukum.
5. Sebahagian daripada tuntutan Islam ialah menjalani prinsip mu'amalah Islami yang meliputi pelbagai aspek. Huraikan dua perkara utama yang menjadi aspek mu'amalah Islami; iaitu:-
- [a] Pendidikan
  - [b] Kemasyarakatan.
  - [c] Ekonomi
  - [d] Politik.
6. Antara ajaran Islam yang harus diberi keutamaan ialah konsep Adab/Akhlaq Islami. Huraikan fungsi akhlaq dalam kontek pembentukan individu Muslim khususnya antara manusia sesama manusia.